

05 September 2022

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Pemberitahuan Awam: MSPO Penilaian Semula Persijilan Untuk Sime Darby Plantation Berhad - SOU 19 Kilang Kelapa Sawit Pagoh, Muar, Johor, Malaysia

Sime Darby Plantation Berhad telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula persijilan MSPO untuk SOU 19 Kilang Kelapa Sawit Pagoh dan ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

| Kilang Kelapa Sawit | | |
|----------------------------------|--|-------------------|
| Nama Kilang | SOU 19 Kilang Kelapa Sawit Pagoh | |
| Kapasiti Kilang (ton/jam) | 45 MT/jam | |
| Alamat/Lokasi | Lot 2159, Ladang Pagoh, Mukim Jalan Bakri, 84309 Muar, Johor, Malaysia | |
| Rujukan GPS | Latitude/Garis lintang | 002° 04' 40.62" N |
| | Longitude/Garis bujur | 102° 43' 07.30" E |

| Ladang Sawit | | | | | |
|---|---|------------------------|-----------------------|----------------------|----------------------------------|
| Ladang | Alamat/Lokasi | Rujukan GPS | | Kawasan ditanam (Ha) | Jum. Kaw. Yg akan diperakui (Ha) |
| | | Latitude/Garis lintang | Longitude/Garis bujur | | |
| Ladang Pagoh MPOB Lesen No.: 508589902000 | Lot 2159, Ladang Pagoh, Mukim Jalan Bakri, 84309 Muar, Johor, Malaysia | 002° 04' 40.62" N | 102° 43' 07.30" E | 2,058.61 | 2,331.74 |
| Ladang Pengkalan Bukit MPOB Lesen No.: 518941002000 | KM 19, Jalan Muar Labis, Mukim Jalan Bakri, 84309 Muar, Johor, Malaysia | 002° 07' 29.80" N | 102° 44' 32.00" E | 2,941.56 | 3,118.05 |
| Ladang Lanadron MPOB Lesen No.: 522273002000 | KM 4, Jalan Kg. Raja, Panchor, 84500 Muar, Johor, Malaysia | 002° 10' 48.70" N | 102° 44' 04.00" E | 1,561.96 | 1,698.59 |
| Jumlah Luas Ladang | | | | 6,562.13 | 7,148.38 |

BSI Services Malaysia Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian semula pensijilan bagi Unit Pengurusan SOU 19 Kilang Kelapa Sawit Pagoh dan ladangnya pada 11 - 14 Oktober 2022. Penilaian semula pensijilan ini akan diadakan mengikut standard MS 2530-4:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 4: General Principles for Palm Oil Mills dan MS 2530-3:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 3: General Principles for Oil Palm Plantations and Organized Smallholders.

Rujukan bagi standard boleh didapati secara atas talian di <https://www.mpooc.org.my/oil-palm-management-standard>. Penilaian akan merangkumi isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI Services Malaysia Sdn Bhd diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan MSPO pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama yang dipercayai di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawai Nasional UK.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan penilaian semula pensijilan ini terdiri daripada:

| Nama | Peranan/ Aspek Pengliputan | Kelayakan dan Pengalaman |
|-------------------------------|---|--|
| Ahmad Rufi bin Abu Talib Khan | Ketua Juruaudit Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan. | <ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA. - Mempunyai pengalaman bekerja selama 2 tahun sebagai juruaudit MSPO di badan pensijilan sebelumnya. - Mempunyai 5 tahun pengalaman dalam industri sawit, khususnya dalam kilang sawit. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, MSPO, RSPO P&C dan RSPO SCCS. |
| Valence Shem | Ahli Pasukan Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, pematuhan undang-undang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan, aspek sosial dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi. | <ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Teknologi Industri, Universiti Sains Malaysia. - Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 9 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri ladang kelapa sawit. - Mula menyertai audit semenjak 2009 untuk pelbagai standard, antaranya ISO 14001, RSPO P&C, RSPO SCCS dan SMETA. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, Latihan MPOB MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA. |
| Muhamad Naquiddin bin Mazeli | Ahli Pasukan Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, aspek sosial, kebajikan pekerja, perundingan pekerja, perundingan pihak berkepentingan. | <ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Hortikultur, Universiti Putra Malaysia. - Mempunyai 11 tahun pengalaman dalam industri perladangan kelapa sawit. Menyertai pasukan kelestarian pada 2013, beliau telah mengurus, melaksana dan memantau keperluan pensijilan RSPO, ISCC, MSPO, ISO 9001 dan OHSAS 18001 untuk ladang, kilang, kilang penapisan dan skim pekebun kecil. Beliau juga menyokong penyediaan latihan RSPO, MSPO dan pensijilan lain yang berkaitan dengan operasi syarikatnya yang terdahulu. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA. |

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- Free, Prior and Informed Consent
- Hak kemunisiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengarah, Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Emel:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengarah**Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan**

En. Azrul Wan Azizan
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Level 29, The Gardens North Tower
Mid Valley City Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603 9212 9638 samb. 1039
Faks : +603 9212 9639
Emel : Azrul.WanAzizan@bsigroup.com

DAN / Auditee:**ATAU**

Pn. Shylaja Devi Vasudevan Nair
Sime Darby Plantation Berhad
Level 11, Main Block, Plantation Tower
No. 2, Jalan PJU 1A/7
47301 Ara Damansara
Selangor, Malaysia
Tel : +603 7848 4379 (Ibu pejabat)
Faks: +603 7848 4356
Emel : shylaja.vasudevan@sime-darbyplantation.com

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Custom-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Azrul Wan Azizan
Pengarah
Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan